



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 7 /1999
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berhak untuk mendapatkan Pengurniaan Tambang Bagi Menunaikan Fardu Haji adalah dikehendaki untuk menghadapi permohonan-permohonan mereka untuk dipertimbangkan bagi Musim Haji Tahun 2000 Masehi [1420 Hijriah]. Permohonan-permohonan hendaklah sampai ke Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 13 Julai 1999 dan permohonan-permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dilayan. Syarat-syarat bagi pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang boleh memohon tambang ini adalah seperti syarat-syarat yang terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 10/1998 Ruj: (10)JPM/SK/11/98 bertarikh 22 Zulhijah 1418 bersamaan dengan 20 April 1998 kecuali perkara-perkara 1 dan 2 dalam Surat Keliling tersebut diubah seperti berikut:-

1. Perkhidmatan selama 15 tahun bererti perkhidmatan tetap bergaji bulan, dari sebulan kesebulan atau open-vote dikira dari tarikh mula berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji bulan hinggalah pada 13 Julai 1999 tetapi tidak termasuk perkhidmatan bergaji hari.
2. Mereka yang telah dikurniakan tambang bagi menunaikan fardu Haji bagi Musim Haji Tahun 1999 Masehi [1419 Hijriah] yang tidak meneruskan pemergiannya dan berhajat untuk menunaikannya pada tahun 2000M/1420H adalah dikehendaki untuk menghantar borang permohonan yang baru bagi dipertimbangkan semula.

Kedua-dua perkara 1 dan 2 di atas adalah bagi menggantikan perkara-perkara 1 dan 2 dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 10/1998 yang tersebut di atas.


(Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman)
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan BA 1000,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Ruj: (7)JPM/SK/1999

Tarikh: 18 Zulhijah 1419
05 April 1999